



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

JUMAAT
3 OKTOBER 2025



Akhbar	Kosmo!
Tarikh	3 Oktober 2025
Ruang	Negara!
Muka Surat	5

KOSMO! JUMAAT 3 OKTOBER 2025

NEGARA! 5

AI jadi tonggak baharu keselamatan sosial global yang lebih inklusif, proaktif

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR – Perubahan teknologi digital sejak lebih sedekad lalu telah mengubah cara kerajaan di seluruh dunia menyampaikan perkhidmatan sosial kepada rakyat.

Ketua Keselamatan Maklumat, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi Birkin & Barre BVBA Belgium, Sven Hutse berkata, kini kecerdasan buatan (AI) muncul sebagai tonggak utama dalam meningkatkan sistem keselamatan sosial yang lebih inklusif dan proaktif.

Beliau menjelaskan, daripada sekadar bot pintar yang menjawab soalan 24 jam, AI kini berfungsi mengesan penipuan, mengurangkan ketidakadilan dalam membuat keputusan dan membantu mempercepatkan urusan pengguna.

"Daripada sistem penyampalan manual, kini kita bergerak ke arah teknologi yang lebih pintar."

"Matlamatnya adalah untuk mewujudkan sistem keselamatan sosial yang bersatu, jelas dan memberi impak besar kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025 di Kuala Lumpur (KL) baru-baru ini.

Forum lima hari yang berlangsung sehingga 3 Oktober itu menjadikan KL hab perbincangan antarabangsa mengenai perlindungan sosial.

29 SEPTEMBER–3 OCTOBER 2025



BARISAN panel yang terlibat dalam satu sesi perbincangan pada hari kedua WSSF 2025 di Kuala Lumpur.

Ia dianjurkan oleh International Social Security Association (ISSA) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta disokong oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Selain itu, Hutse berkata, teknologi AI dilihat sebagai pemacu baharu yang mampu mengesan penipuan, membantu membuat keputusan yang lebih adil, mempercepatkan

proses dan memberi perkhidmatan yang lebih bersifat peribadi.

"Bagaimanapun, penggunaan AI datang bersama cabaran besar iaitu keselamatan data. Dengan wujudnya ancaman seperti penggodam, serangan siber dan perisian tebusan (ransomware), sistem perlu dibina dengan perlindungan berlapis.

"Data rakyat perlu kekal selamat dan boleh dipercayai. Jika tidak, keseluruhan sistem tidak akan berfungsi," katanya.

Sementara itu, salah seorang panel forum tersebut, Pengarah Perkhid-

matan Maklumat KELA, Finland, Arto Vuori berkata, keseluruhan sektor IT kini berkembang pesat, namun sektor awam perlu lebih berhati-hati.

"Justeru, kerjasama dengan rakan teknologi swasta amat penting bagi memastikan penggunaan AI benar-benar sesuai dengan keperluan sosial.

"AI berkembang dengan sangat cepat, jadi sektor swasta sudah jauh ke depan, oleh itu sektor awam perlu berganding bersama dengan yang terbaik, sambil membina kekuatan budaya dalaman," katanya.

Arto berkata, perubahan budaya

dalam organisasi kini menjadi faktor utama kejayaan projek AI lebih penting daripada sekadar teknologi atau perisian baharu.

"Dengan gabungan budaya kerja baharu, data besar dan teknologi AI, Finland kini berada di landasan untuk menyediakan perkhidmatan sosial lebih pintar, pantas dan responsif.

"AI bukan pengganti manusia, sebaliknya AI menyokong manusia membuat keputusan yang lebih baik. Matlamat akhirnya tetap sama iaitu memastikan kesejahteraan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, Pakar Sistem Maklumat Pengurusan Perlindungan Sosial Dataprev Brazil, Rodrigo Ortiz D'Avila Assumpção berkata, data telah muncul sebagai komoditi strategik dalam perebutan kuasa global, sementara teknologi pula menjadi sebahagian daripada konflik geopolitik.

"Sebagai sebuah negara, kita mesti menetapkan pendirian sendiri kerana cabaran ini bukan sesuatu yang akan hilang dalam masa terdekat.

"Sebagai contoh di Brazil, kerajaan telah menandatangani empat kontrak perkhidmatan berasaskan 'cloud' dengan syarikat antarabangsa iaitu tiga dari Amerika Syarikat (AS) dan satu dari China, bagi memastikan sistem data negara tidak bergantung hanya kepada satu kuasa besar," katanya.

243 prospek penjara dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia

BANGI – Seramai 243 prospek penjara menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang Operasi Manual Pembersihan Awam selepas menamatkan latihan selama lapan bulan bermula Ogos 2024 hingga April 2025 di 18 Pusat Vokasional Industri Penjara seluruh Semenanjung Malaysia.

Anugerah itu disampaikan pada Majlis Konvokesyen Sijil Kemahiran Malaysia Kali Keempat anjuran Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) di Bangi Avenue Convention Center (BACC), yang disempurnakan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming.

Selain itu, lima warga kerja SWCorp turut menerima SKM Tahap 3 dalam bidang Setiausaha Korporat Eksekutif menerusi kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Kor Ming ketika ditemui berkata, sejak pengumuman konvokesyen pertama pada 2018, SWCorp telah melahirkan lebih 1,100 graduan, bermula dengan 209 orang graduan pada tahun pertama, 200 orang pada tahun kedua, 443 orang pada tahun lalu dan kini meningkat kepada 248 graduan.

"Daripada jumlah itu, 243 adalah prospek penjara manakala lima lagi warga SWCorp. Saya menaruh harapan tinggi agar graduan ini menjadi tenaga pembersihan negara yang berkemahiran tinggi."

"Menjaga kebersihan bukan sahaja kewajipan, malah sebahagian daripada keimanan. Justeru, usaha melatih tenaga



Kor Ming (duduk tengah) ditemui selepas merasmikan majlis di Bangi pada Khamis.

kerja ini amat penting bagi meningkatkan martabat sektor kebersihan negara," ujarnya.

Turut hadir, Pengerusi SWCorp, Hee Loy Sian dan Ketua Pengarah Eksekutif SWCorp, Khalid Mohamed.

Beliau berkata, sehingga kini seramai 486 graduan daripada syarikat konsesi termasuk Alam Flora, Southern Waste Management Environment serta Environment Idaman Sdn Bhd turut berjaya menamatkan latihan pensijilan dan dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia serta ditawarkan peluang pekerjaan.

Kerajaan juga jelasnya, menetapkan sasaran 35 peratus tenaga kerja mahir menjelang 2030, selain menambah dua juta pekerjaan berkemahiran tinggi bagi menyamai tahap purata negara anggota

Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD).

"Inisiatif pensijilan kemahiran yang dilaksanakan SWCorp hari ini amat penting dalam menyumbang kepada keperluan tenaga kerja berpengetahuan serta mampu bersaing dalam pasaran kerja yang semakin mencabar."

"Malah, ia juga seiring pelaksanaan Dasar Kebersihan Negara 2020-2030 yang menekankan peningkatan kualiti pekerja sektor kebersihan," ujarnya lagi.

Kor Ming turut merakamkan penghargaan kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Penjara Malaysia atas kerjasama strategik dalam menjayakan program latihan Sinar di Sebalik Tiram Besi sejak 2023.

“

Daripada jumlah itu, 243 adalah prospek penjara manakala lima lagi warga SWCorp. Saya menaruh harapan tinggi agar graduan ini menjadi tenaga pembersihan negara yang berkemahiran tinggi."

- Kor Ming

Sementara itu, menurut Khalid, perancangan pihaknya selepas ini adalah memperluaskan bidang latihan kepada prospek penjara termasuk dalam bidang kraf tangan dan penghasilan baja kompos.

"Baja kompos ini akan dihasilkan daripada sisa makanan yang banyak digunakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk tujuan landskap."

"Selain itu, prospek juga akan diberikan kemahiran dalam kraf tangan menggunakan sumber-sumber kitar semula bagi membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Perancangan berkenaan dijangka direalisasikan bermula pada tahun 2026 dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Jabatan Penjara serta Jabatan Pembangunan Kemahiran," ujarnya.

Integrasi AI dalam rehabilitasi, rancakkan produktiviti global

KUALA LUMPUR - Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025 yang memasuki hari ketiga turut membincangkan topik berkaitan mempertingkatkan pemulihan dan kembali bekerja.

Persatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) menegaskan bahawa pemulihan bukan sahaja dilihat daripada aspek kesihatan, malah diiktiraf sebagai hak asasi manusia.

Ketua Pengarah Perubatan Deutsche Rentenversicherung Bund Jerman, Dr Susanne Weinbrenner berkata, pembangunan pemulihan perlu dilihat secara holistik termasuk kesihatan mental dalam melaksanakan pengurusan keselamatan sosial.

"Garis panduan ISSA menekankan bahawa pemulihan seharusnya bertujuan meningkatkan kapasiti fungsional melalui pendekatan biopsikososial dan bukan sekadar melegakan simptom.

"Pemulihan adalah amat penting sepanjang hayat seseorang individu bukan hanya ketika mereka memasuki alam pekerjaan malah menyokong fungsi asas manusia agar dapat terus aktif dan berdaya," katanya di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini pada Rabu.

Antara panel yang hadir adalah BPJS Ketenagakerjaan Indonesia, Woro Ariyandini; Timbalan Pengarah Jabatan Penyelidikan Pampasan dan Kebajikan Pekerja Korea Selatan, Hyungkyu Jo serta Pesuruhjaya dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga



Dari kanan:
Dr Hafez, Susanne, Hyungkyu, Woro Ariyandini dan Patrick Siampwili terlibat dalam sesi interaktif dengan topik Mempertingkatkan Pemulihan dan Kembali Bekerja pada WSSF 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada Rabu.

Kawalan Kumpulan Wang Pampasan Pekerja Zambia, Patrick Siampwili.

Sesi berlangsung selama sejam itu dikendalikan oleh Pengarah Eksekutif Pusat Rehabilitasi Pertubuhan Keselamatan Sosial

“Ini satu peluang untuk kita lebih maju mempertingkatkan perkhidmatan rehabilitasi dalam keselamatan sosial.”

- Dr Hafez

(PERKESO), Datuk Dr Hafez Hussain selaku moderator.

Susanne berkata, momentum pengiktirafan global terhadap kepentingan pemulihan semakin meningkat berikutan keberkesannya dalam mengurangkan beban negara serta meningkatkan produktiviti masyarakat.

Sementara itu, Dr Hafez berkata, sesi interaktif yang dijalankan itu dapat membentuk satu kerangka kerja yang menyeluruh hasil perkongsian daripada panel negara luar.

"Ini satu peluang untuk kita lebih maju mempertingkatkan perkhidmatan


rehabilitasi dalam keselamatan sosial.

"Bukan sahaja dari aspek fizikal pekerja malah perhatian diberikan kepada isu kesihatan mental yang semakin kompleks serta tidak ketinggalan, integrasi teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam rehabilitasi," katanya.

WSSF 2025 menjadi hab perbincangan antarabangsa mengenai perlindungan sosial anjuran ISSA dengan kerjasama PERKESO dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta disokong oleh Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) [KWAP] dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

6 FRIDAY 3 OCTOBER 2025
FEATURE ARTICLE

StarProperty



Getting a fair shot at homeownership

The saga of gig workers versus mortgage continues

By SAMANTHA WONG
samantha.wong@thestar.com.my

The booming industry of informal work, or the gig economy, has drastically changed the way we live. From convenience to price, the way of life for Malaysians relying on e-commerce is supported on the backs of gig workers. They rise as the rising heroes during difficult times, especially during the pandemic, braving layers of safety gears and endless QR codes so the rest of us could stay safe at home. Today, the industry has seen expansions in scope, ranging from e-hailing drivers, food delivery riders, freelance designers and coders.

Gig workers quickly became a permanent feature of the workforce, yet while this flexible economy thrives, many of its workforce are actually finding themselves excluded from one of life's biggest milestones and that is purchasing a home.

Unlike salaried employees who possess predictable monthly pay slips, gig work has a different nature. Irregular income streams, limited credit history and minimal contributions to retirement saving

schemes are the typical trade-offs for working flexibly. These realities sit uneasily against the rigid frameworks that banks reference when reviewing mortgage applications.

The result? A significant portion of Malaysians, especially younger demographics that make up most of the gig economy, find themselves stuck as renters rather than owners. A significant hurdle for lower-income households and gig workers is their limited access to property financing. Traditional lenders often hesitate due to their credit limitations and irregular income streams, making it harder for them to secure home loans. This lack of access does not just keep them out of the housing market but it also pushes more people into the rental market, driving up demand and consequently inflating rental rates," said Aivaland Bhd strategic planning director David Aw.

Understanding why banks are cautious

From the banking side, the reluctance is less about discrimination and more about risk management. Mortgage defaults are costly and with no secondary

market to offload bad loans, banks must tread carefully.

Tropicana Corporation Bhd chief executive officer Ong Chou Wen brought up the fact that lenders' hands are tied. "The bank's lending policies, as well as their credit review, are governed by Bank Negara. CMB, Maybank, it is the central bank's regulations. They cannot defy that. They are very stringent because they do not want all the bad performing loans. Banks do not have a marketing arm to sell unpaid properties. They just want to recover their money. That is why the banks still continue to be very strict."

This highlights a big, red flag structural gap. Unless Bank Negara Malaysia (BNM) adjusts its regulations to allow more flexible covers or underwriting, commercial banks will end up with little leeway to innovate.

Bukit Kiara Properties group managing director Datuk Nik Tong raised a broader policy question in response to Ong's response. "That is a good point to note. I wonder whether Bank Negara's thinking on property loans is aligned with KPKT's (Housing and Local Government Ministry) or the national agenda to have housing with everyone."

Developers suggestions

While developers acknowledge the risks, they also have argued that there are solutions to responsibly widen access to home financing for gig workers. A compilation of their wishlists ranges from rethinking income assessment methods to accelerating government-backed schemes.

Garnuda Land chief executive officer Chu Wai Lue suggested the path of alternative documentation or broader definitions of income proof. "Broaden access to housing finance for emerging income groups, including gig workers and freelancers, by enabling government-backed schemes that accept alternative income documentation such as EPF, SOCSO or consistent e-wallet or bank transfer records. As work patterns evolve, these inclusive measures can help younger Malaysians enter the housing market earlier and with greater confidence."

Malton Bhd executive director Datuk Hong Lay Chuan proposes recalibrating the assessment framework. "We recommend the development of a more inclusive housing loan profiling method by financial institutions, one that considers gig economy earnings, step-up income potential and interest-only DSR (debt service ratio) calculations during construction."

Recognising that down payments are another barrier, there was also the suggestion of deposit assistance by Mah Sing Group Bhd group chief executive officer and executive director Datuk Voon Tin Yow, who calls for faster rollout of targeted subsidies. "Accelerate

implementation of the Madani Deposit Scheme, where up to RM30,000 subsidy is allocated for homebuyers aged 21 to 40 years old, including workers in the gig economy. For properties priced up to RM500,000. We propose that the funds be channelled directly into the housing loan account or be used as part of the down payment."

Radium Development Bhd group managing director Datuk Gary Gan believes in enhancing the existing safety net with guarantee mechanisms. "The Housing Credit Guarantee Scheme (SJGP) is a good initiative that protects both lenders and borrowers, who would usually be considered high-risk, such as those in the gig economy. With a growing gig economy, it makes sense to strengthen this initiative to enable more people outside of the traditional workforce to get on the property ladder. At present, stringent bank loan criteria and a lack of tailored financial products hamper home ownership among these groups."

The threat of ripple effects

A key takeaway from the wishlists is that excluding gig workers from the ownership cycle creates ripple effects such as rising rental demand, slower absorption of new housing supply and the further widening of wealth inequality between salaried and non-salaried workers.

The call for reform is not simply about fairness and the gig economy is not a passing trend. Studies have estimated that the number of gig workers has reached an all-time high of three million in 2023. The figure is expected to rise further as digital platforms and flexible employment models expand. If housing policies remain designed only for traditional employees, a growing segment of the population risks being permanently sidelined.

Striking a balance

The debate is all about finding the sweet spot between caution and inclusivity. On one side, banks and regulators are understandably wary of maintaining financial stability and keeping a close eye on non-performing loans. On the flip side, policymakers and developers are eager to offer solutions that reflect the realities of how Malaysians truly work and earn their living today.

For gig workers, the dream of owning a home feels like it is just around the corner, yet remains frustratingly out of reach. As the housing market continues to wrestle with affordability challenges, whether gig workers are included in the mortgage conversation could greatly influence the future of Malaysia's property sector.

So, the burning question is not whether gig workers deserve a fair shot at mortgages. It is essential to move on and start questioning whether Malaysia's financial system is actually finally ready to adapt and embrace a diverse workforce that is definitely here for the long haul. ■